

## **PAS Dakwa Ada Bukti 500 Nama Pemilih Bertindih mStar Online**

**Julai 27, 2011**

**Oleh SUSAN ALBERT KASSIM**

**KUALA LUMPUR:** PAS mendakwa mempunyai bukti wujudnya 500 senarai nama pengundi berdaftar yang bertindih akibat kelemahan sistem yang dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa berkata, PAS Selangor berjaya mengesan pertindihan pengundi yang lengkap dengan nama dan nombor kad pengenalan.

"Kita juga sudah bertemu dengan pengundi terbabit, malah mereka mengakui nama mereka tersenarai untuk mengundi lebih dari satu kawasan.

"Kita turut meminta penjelasan daripada SPR berhubung perkara ini dan mereka mengakui kewujudan pengundian berganda seperti yang ditemui PAS Selangor," katanya pada sidang media di sini Selasa.

Menurut Husam, beliau berjanji lebih ramai lagi nama pengundi berdaftar yang bertindih akan dibongkar selepas ini.

"Jumlah ini hanyalah permulaan... kita akan dedahkan lebih banyak lagi pada mesyuarat pimpinan PAS pada 7 Ogos depan," katanya.

Sehubungan itu, Husam berkata, pihaknya menolak pelaksanaan sistem biometrik yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, sistem biometrik tidak dapat menangani masalah pertindihan pengundi malah membenarkan penyelewengan yang berlaku sekarang.

Beliau turut mempertikaikan tindakan Perdana Menteri yang sanggup menghabiskan jutaan ringgit untuk melaksanakan sistem itu berbanding menggunakan dakwat kekal bagi mengatasi isu tersebut.

"Siapa dalang di sebalik konspirasi ini? Saya lihat pelaksanaan sistem biometrik merupakan satu cubaan Barisan Nasional (BN) untuk mengekalkan penguasaan mereka pada Pilihan Raya Umum akan datang.

"Mereka semakin terdesak. Mereka hanya bergantung kepada pertindihan pengundi menerusi kaedah sistem biometrik sebagai talian hayat," ujarinya.

Jelasnya, PAS tetap menganggap penggunaan dakwat hitam sebagai relevan.

Beliau turut menggesa SPR, polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) supaya melakukan siasatan ke atas perkara itu bagi membersihkan sistem daftar pemilih yang digunapakai sekarang.

"Kita hanya siasat untuk buktikan wujud penipuan tetapi SPR perlu menyiasat dengan lebih mendalam masalah itu. Kalau kita boleh kesan apatah lagi SPR," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali berkata kawasan Parlimen Titiwangsa yang kosong akibat pemergian Allahyarham Dr Lo'Lo' pada 17 Julai lalu akibat kanser paru-paru akan dijadikan kawasan angkat oleh PAS Pusat.

Mustafa berkata, Jawatkuasa PAS Pusat sebulat suara memilih ketiga-tiga Naib Presiden yang terdiri daripada Datuk Mahfuz Omar, Salahuddin Ayub dan Husam untuk memantau kawasan itu.

"Bagi isu pembangunan Kampung Baru, tanggungjawab itu akan diserahkan kepada Timbalan Presiden PAS, Mohammad Sabu untuk bertindak sebagai penasihat. Kita yakin tugas itu dapat dilaksanakan dengan baik," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: [http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/27/mstar\\_berita/20110726182402&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/27/mstar_berita/20110726182402&sec=mstar_berita)